

Padah guru agama

BH 22 JULI 1999
Oleh ZAFRUDIN ISA

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, didikan dan ajaran agama di sekolah yang kurang berkesan memungkinkan murid-murid mudah terjerumus dalam kegiatan tidak sihat seperti kumpulan Black Metal.

Menurut Perdana Menteri, setengah guru agama juga didapati lebih menumpukan soal politik serta menyebarkan sentimen

membenci kerajaan kepada pelajar di sekolah.

"Sebenarnya saya tidak suka nak kata (perkara) ini, tapi kalau guru agama lebih tumpu kepada politik dan menimbulkan kebencian kepada kerajaan dan tidak mengajar agama Islam, maka budak ini tidak mempunyai asas agama," katanya ketika ditanya mengenai gejala Black Metal yang didapati merebak di sekolah rendah.

Beliau berkata demikian pada

sidang akhbar selepas merasmikan Pelancaran Proton Juara – kenderaan edisi terbaru Proton, di Kuala Lumpur City Centre (KLCC), di sini semalam.

Laporan *Berita Harian* kelmarin memetik beberapa sekolah rendah di sini turut diserapi pengaruh Black Metal seperti mempunyai tatu salib terbalik di tangan.

Sebuah sekolah di Bangsar kelmarin gempar apabila tanda salib dikesan di tangan kiri kira-kira 40

murid Islam tahun empat, lima dan enam.

Di Brickfields pula, lebih 30 murid sebuah sekolah didapati mempunyai tanda salib di tangan mereka, dipercayai perbuatan sekumpulan pengawas sekolah itu.

Mengulas lebih lanjut, Dr Mahathir mengulangi perasaan sedihnya mengenai gejala Black Metal yang semakin merebak sehingga ada kanak-kanak tidak lagi yakin kepada agama Islam.

ajar politik

Beliau berkata, apabila kanak-kanak sudah ditanam bibit membenci sesama orang Islam, mereka juga turut menjadi penentang kemajuan dan pembangunan.

"Mungkin apabila mereka mempunyai asas membenci kepada orang, mereka benci pula kepada 'establishment'. Dan kalau kita ajar kanak-kanak benci kepada establishment, jangan hairanlah kalau mereka benci kepada establishment," katanya.

Menurut beliau, sejak merde-

ka kerajaan mewujudkan pelajaran agama dengan harapan masyarakat dan kanak-kanak Islam lebih terdidik dengan ajaran agama serta tidak mudah dipesongkan akidah mereka.

Ditanya mengapa Jabatan Pendidikan lewat memantau pergerakan pelajar dalam aktiviti tidak sihat itu, Perdana Menteri berkata, selama ini pihak berkuasa terbabit lebih tertumpu kepada bidang akademik.

"Yalah, kadang-kadang benda

ini kita tidak nampak. Jabatan Pendidikan dok tengok berkenaan pelajaran saja. Mereka tidak perhati apa penuntut buat. Sekarang ini lebih kepada masalah sosial daripada masalah pendidikan.

"Memang pun menteri yang bertanggungjawab berkenaan perkara ini iaitu Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman (Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat), dia yang fokus kepada masalah ini," katanya.